

GARIS PANDUAN PENYERTAAN
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
AKNC 2017

1.0 PENYERTAAN

Penyertaan ini terbuka kepada semua Pusat Tanggung Jawab (PTJ) Universiti Teknologi MARA seluruh Malaysia, yang dibahagikan kepada 3 kategori iaitu Kampus Negeri, Fakulti dan Bahagian/Unit.

2.0 SYARAT DAN PERATURAN

2.1. Skop Pelaporan

- 2.1.1. Skop pelaporan hendaklah difokuskan kepada salah **SATU** bidang tumpuan berikut:-
- i. Pengajaran & Pembelajaran
 - ii. Penyelidikan dan Penerbitan
 - iii. Jaringan Industri
 - iv. Jaringan Alumni
 - v. Penyampaian Perkhidmatan
 - vi. Inovasi dan Pengkomersilan
 - vii. Pembangunan staf
 - viii. Pembangunan pelajar
- 2.1.2. PTJ harus melaporkan aktiviti yang dijalankan dan pencapaian prestasi bagi jangkamasa sehingga Disember 2016 mengikut kepada perancangan strategik bagi bidang tumpuan yang dipilih.
- 2.1.3. Kandungan Laporan AKNC ditulis dengan merujuk kepada Kriteria AKNC 2017 sebagai panduan.
- 2.1.4. Laporan yang disediakan harus mengikut kepada garis panduan berikut.

2.2. Bilangan Mukasurat Laporan

- 2.2.1. Had maksima mukasurat (ms) adalah 70 ms bagi kandungan dan 30 ms bagi lampiran. Profil Jabatan tidak termasuk dalam 70 mukasurat. Penalti akan diberikan sekiranya syarat ini tidak diikuti.

2.2.2. Penalti akan dikenakan seperti berikut:

- i. Tolak 5 markah dari markah penilaian laporan bagi laporan dengan ms 71 – 80.
- ii. Tolak 10 markah dari markah penilaian laporan bagi laporan dengan ms melebihi 80 ms.

2.3. Penyerahan Laporan kepada Sekretariat

2.3.1. Laporan harus dihantar kepada pihak InQKA mengikut tarikh akhir yang telah ditetapkan. Penalti akan diberikan sekiranya syarat ini tidak diikuti.

2.3.2. Penalti akan dikenakan seperti berikut:

- i. Tolak 5 dari markah keseluruhan jika lewat ≤ 7 hari
- ii. Tolak 10 dari markah keseluruhan jika lewat > 7 hari

2.4. Pembentangan Akhir

2.4.1. PTJ akan dimaklumkan sebagai finalis oleh pihak InQKA secara rasmi dengan saluran komunikasi yang bersesuaian.

2.4.2. Finalis harus bersedia untuk sesi pembentangan akhir dalam jangkamasa yang diberikan dan mengikut segala garis panduan yang disediakan.

2.4.3. Sekiranya finalis tidak membuat pembentangan akhir atau menolak untuk melaksanakan pembentangan akhir, secara automatik penyertaan PTJ tersebut bagi AKNC akan terbatal.

3.0 PENULISAN LAPORAN

3.1. Penulisan Laporan AKNC dan Pembentangan boleh menggunakan Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.

3.2. Format pelaporan adalah seperti berikut:

BIL	PERKARA
1.	<p>Format teks</p> <ul style="list-style-type: none"> - Arial – saiz 11 - Teks dalam jadual atau gambarajah – minimum saiz 8 - Tak perlu selang <p>Orientasi Mukasurat</p> <ul style="list-style-type: none"> - Potrait - Tanpa ada kolum
2.	<p>Segmen Laporan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Muka hadapan - Kandungan dan mukasurat - Senarai Singkatan - Profil Jabatan - Kriteria 1 sehingga 7 - Lampiran <p>** Laporan dihadkan kepada 70 mukasurat (maksimum) - Tidak termasuk lampiran</p> <p>** Lampiran dihadkan kepada 30 mukasurat (maksimum)</p> <p>** Optimumkan bukti objektif dengan gambarajah dan graf</p> <p>** Kandungan laporan meliputi maklumat bagi pencapaian bidang tumpuan yang dipilih sehingga Disember 2016.</p>
3.	<p>Penghantaran Laporan</p> <p>Tarikh : Rujuk Jadual Aktiviti AKNC di Laman Web InQKA</p> <p>Bilangan : 4 salinan bercetak (1 'hardcover') dan 1 CD ('softcopy')</p> <p>** Salinan 'hardcover' – berwarna biru gelap (blue black) (contoh cetakan dilampirkan)</p>

4.0 PROSES PENILAIAN AKNC

4.1. Penilaian AKNC 2017

Penilaian akan dilaksana pada 2 peringkat seperti berikut:

- i. Penilaian 1 (penilaian dokumen) :
 - Semak dan nilai secara berkumpulan (penilai dan moderator)
 - Persetujuan markah penilaian laporan oleh panel penilai secara berkumpulan.
 - Verifikasi dokumen dan lawatan tapak (JIKA PERLU)
- ii. Penilaian 2: Penilaian pembentangan PTJ yang layak sebagai finalis oleh panel hakim daripada kalangan pengurusan atasan atau Profesor atau Pegawai Jusa dan jemputan luar.

4.2. PENILAIAN 1

- 4.2.1. Panel penilai bebas terdiri daripada semua Ketua Unit Kualiti, Ketua Sistem Audit dari fakulti, cawangan dan bahagian serta penama yang dicalonkan oleh ketua PTJ.
- 4.2.2. Penilai bebas akan diberi latihan iaitu Pemahaman Kriteria, Penilaian dan Pemarkahan Laporan AKNC serta Penulisan Laporan Maklumbalas.
- 4.2.3. Penilai bersama kumpulan akan membaca Laporan AKNC yang disediakan oleh PTJ.
- 4.2.4. Penilai akan membuat penilaian mengikut 7 kriteria yang dinyatakan dalam KRITERIA AKNC 2017.
- 4.2.5. Pemarkahan bagi setiap kriteria mengikut kepada GARIS PANDUAN PEMARKAHAN ITEM PROSES (1- 6) DAN HASIL (7).
- 4.2.6. Markah dimasukkan ke dalam templet kemasukan markah Laporan (fail excel).
- 4.2.7. Markah bagi kesemua PTJ yang menghantar laporan akan dimoderasi oleh Moderator yang hadir bersama semasa sesi penilaian berkumpulan.

- 4.2.8. Lawatan tapak dan verifikasi dokumen akan dilaksanakan SELEPAS PENILAIAN 1. Hanya PTJ yang disenarai pendek akan terlibat bagi lawatan tapak dan verifikasi dokumen. (JIKA PERLU) ; ATAU

Verifikasi dokumen akan dilaksanakan semasa penilaian dokumen, dimana penilai boleh memohon PTJ menyediakan maklumat tambahan atau bukti rekod-rekod yang berkaitan dan dokumen tersebut perlu dikemukakan oleh PTJ kepada penilai semasa sesi penilaian dokumen. (Akan dibantu oleh sekretariat).

- 4.2.9. Lawatan tapak juga boleh dicadangkan oleh penilai sekiranya beliau merasakan perlu untuk membuat verifikasi dan lawatan ini akan dilaksanakan mengikut kepada kesesuaian masa antara penilai dan PTJ. (Akan diuruskan oleh sekretariat).

4.3. PENILAIAN 2

- 4.3.1. Finalis yang di senarai pendek selepas penilaian verifikasi akan dijemput sebagai peserta untuk pembentangan akhir.
- 4.3.2. Pembentangan akhir akan dihakimi oleh Pengurusan Atasan UiTM atau Professor atau Pegawai JUSA dan jemputan luar.
- 4.3.3. Borang pemarkahan pembentangan akhir disediakan untuk para hakim.
- 4.3.4. Urusetia InQKA memasukkan markah ke dalam templet pemarkahan untuk mendapatkan markah akhir.

4.4. KEPUTUSAN AKHIR

- 4.4.1. Keputusan Akhir merangkumi Markah Laporan (Penilaian 1) sebanyak 65%, Markah Pembentangan Akhir (Penilaian 2) sebanyak 30% dan Maklumbalas (soal-selidik yang dilaksanakan untuk mendapat persepsi Staf dan Pelajar) sebanyak 5%.
- 4.4.2. Keputusan Akhir akan menentukan:
- Tempat Ketiga (Kampus Negeri, Fakulti dan Bahagian/Unit)
 - Tempat Kedua (Kampus Negeri, Fakulti dan Bahagian/Unit)

- Juara Kategori (Kampus Negeri, Fakulti dan Bahagian/Unit)
- Juara Keseluruhan AKNC

5.0 HADIAH

Juara Keseluruhan AKNC 2017	-	RM	15,000
Juara Kategori	-	RM	10,000
Tempat Kedua	-	RM	7,000
Tempat Ketiga	-	RM	5,000
Pembentangan Terbaik	-	RM	1,000
Laporan Terbaik	-	RM	1,000

6.0 DOKUMEN RUJUKAN DI LAMAN WEB InQKA

- i. Jadual Aktiviti AKNC 2017
- ii. Kriteria AKNC 2017
- iii. Rubrik Penilaian AKNC 2017
- iv. Garis Panduan Penyertaan AKNC 2017

MUKA HADAPAN CETAKAN 'hardcover'



LAPORAN
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR
(Fakulti/Kampus/Bahagian)

2017



LAPORAN
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR
FAKULTI/KAMPUS/BAHAGIAN

(BIDANG TUMPUAN)

2016

KETUA UNIT PENGURUSAN KUALITI

Ahli-ahli Utama

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____

CETAKAN SPINE 'hardcover'

LAPORAN AKNC FAKULTI/KAMPUS/BAHAGIAN

2017